

1984

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA) -- KIRA-KIRA 90 PERATUS DARIPADA RAKYAT YANG DULUNYA MISKIN SUDAH MENIKMATI FAEDAH-FAEDAH DASAR EKONOMI BARU (DEB).

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAKINYA YANG TIDAK MENDAPAT NIKMAT ADALAH KERANA PILIHAN DIRI MEREKA SENDIRI.

MEREKA TIDAK MAHU KEPADA NIKMAT. ADA YANG MEMBUAT TUDUHAN MELULU ATAU PUN DIPENGARUHI OLEH SEBUAH PARTI DALAM NEGARA KITA INI YANG TIDAK MEMPUNYAI KERJA, MELAINKAN BERUSAHA MENENTUKAN YANG RAKYAT, TERUS HIDUP MISKIN SUPAYA MEREKA DAPAT MEMPENGARUHI RAKYAT.

ATAU PUN MEREKA TIDAK MAHU MENJAWAB SERUAN KERAJAAN SUPAYA RAJIN BERKERJA, SUPAYA SANGGUP TIDAK MEMILIH KERJA, SUPAYA SANGGUP BERKERJA. K U A T TIDAK TERLALU MEMINTA BERMACAM-MACAM SYARAT DAN SEBAGAINYA, JELAS BELIAU.

BERCAKAP DI SIDANG AKHBAR BAGI MENJELASKAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT OF PEJABATNYA HARI INI, DATUK SERI OR MAHATHIR BERKATA SEBENARNYA DASAR EKONOMI BARU TELAH BERJAYA P A O A TAHAP YANG DITENTUKAN.

TETAP E KITA MASIH LAGI INGIN BERUSAHA KERANA INGIN MENINGKATKAN LAGI PENDAPATAN KAUM BUMIPUTERA SUPAYA SEIMBANG DENGAN KAUM-KAUM Y A N G LAIN, KATANYA.

MAHATHIR-KEMISKINAN 2 KUALA LUMPUR

MENJELASKAN KEUDUKAN KEMISKINAN YANG TELAH MENDAPAT BANYAK TEGURAN DARI BERBAGAI-BAGAI PIHAK, DATUK SERI O R MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MERANCANG UNTUK MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN KEPADA 17 PERATUS MENJELANG TAHUN 1990.

BELIAU SEKALI LAGI MENEGASKAN TIDAK AOA SEBUAH NEGARA DI DUNIA INI YANG DAPAT MEMBASKIKAN KEMISKINAN TETAPI CUMA DAPAT MENGURANGKANNYA.

KATANYA MALAH NEGERI SEPERTI AMERIKA SYARIKAT KADAR KEMISKINANNYA IALAH KIRA-KIRA 22 PERATUS MANAKACA ANGKANYA DI SINI IALAH SEKITAR 30 PERATUS.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN ADALAH SUKAR BAGI MENENTUKAN KRITERIA BAGI GARIS KEMISKINAN KERANA IA BERGANTUNG KEPADA KEADAAN, MASA DAN TEMPAT.

MISALNYA ANGKA-ANGKA KEMISKINAN YANG TERDAPAT DALAM KAJIAN YANG DIJALANKAN OLEH UNIT PENYELIDIKAN SOSIO-EKONOMI (SERU) DAN YANG TERDAPAT DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (RME) ADALAH BERBEZA.

KAJIAN SERU DIJALANKAN PADA TAHUN 1980/81 MANAKALA KAJIAN SEPARUH PENGGAL RME 1982/83.

MAHATHIR-KEMISKINAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA +JADI KITA MENGADAKAN SATU GARISAN Y A N G BOLEH DIKATA DIBUAT+ SECARA SEWENANG-WENANG+ DAN MERUPAKAN SATU PERANGKAAN SEMATA-MATA.

MENGENAI TEGURAN-TEGURAN BAHAWA KEMISKINAN ADALAH LEBIH KETARA DI BANDAR, DATUK SERI D R MAHATHIR BERKATA INI TIDAK TEPAT SEKALI.

INI ADALAH KERANA SEKIRANYA ITU BENAR, SUDAH TENTULAH RAMAI ORANG BANDAR AKAN BERHIJRAH KE KAMPUNG SEPERTI DI KOREA SELATAN OF MANA PENDAPATAN ORANG KAMPUNG ADALAH LEBIH TINGGI.

OF MALAYSIA, JELAS PERDANA MENTERI, ORANG-ORANG KAMPUNG YANG BERHIJRAH KE BANDAR KERANA KEMISKINAN ADALAH KURANG.

BELIAU BERPENDAPAT KEMISKINAN DI BANDAR BOLEH DIATASI OLEH PENDUDUK-PENDUDUK BANDAR SENDIRI KERANA TERDAPAT BANYAK PELUANG UNTUK BERNIAGA DARIPADA DI LUAR BANDAR.

OLEH KERANA ITU KERAJAAN TIDAK SANGAT DIKEHENDAKI MENUMPUKAN PERHATIAN BAGI MENGURANGKAN KEMISKINAN OF BANDAR, SEDALIKNYA OF KAWASAN LUAR BANDAR JIKA TIDAK ADA USAHA-USAHA KERAJAAN ADALAH MUSTAHIL UNTUK MENGATASI KEMISKINAN.

- - LAGI 1922/LK

MAHATHIR-KEMISKINAN 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI SINDIRAN BAHAWA ADA UNSUR-UNSUR PERKAUMAN DALAM PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BAGI BANDAR DAN LUAR BANDAR, PERDANA MENTERI BERKATA IANYA TIDAK TEPAT.

INI ADALAH KERANA KEMISKINAN DI BANDAR LEBIH BANYAK TERDAPAT DARI KALANGAN ORANG YANG BERHIJRAH DARIPADA LUAR BANDAR, KATANYA.

+JIKA DIPERHATIKAN BUMIPUTERA YANG MISKIN DI BANDAR ADALAH LEBIH BANYAK DARIPADA YANG BUKAN BUMIPUTERA,+TEGASNYA.

TEGAS BELIAU BAGI MEREKA INIPUN +KITA TIDAK BANYAK MEMBERI BANTUAN DAN SEBALIKNYA DITUMPUKAN KEPADA LUAR BANDAR KERANA KITA MASIH PERLU MENGADAKAN INDUSTRI PENANAMAN PADI, PENANGKAPAN IKAN UNTUK SEKURITI MAJIKAN KEPADA NEGARA KITA.+

BELIAU JUGA MENYENTUH TEGURAN BAHAWA RANCANGAN KERAJAAN MENGADAKAN SAWAH PADI BERKELOMPOK DAN LAIN-LAIN CARA UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN LUARBANDAR KONONNYA AKAN MEMISKINKAN ORANG DI KAWASAN LUARBANDAR.

PERDANA MENTERI MENYEBUT KES KAMPUNG ASAM JAWA DI KUBANG PASU DI MANA TARAF HIDUP PENDUDUKNYA TELAH MENINGKAT DAN KINI TELAH MEMPUNYAI PERUSAHAAN ROTAM DAN PENDAPATAN MEREKA DARI SAWAH PADI ADALAH LEBIH TINGGI.

INI MEMBUKTIKAN YANG MENGUSAHAKAN BENDANG SECARA BERKELOMPOK TELAH MEMUJUKAN KESAN YANG LEBIH BAIK, TEGAS BELIAU. -- LAGI 1933/ZC MAHATHIR - KEMISKINAN 3 KUALA LUMPUR

CARA INI DIPILIH UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN, JELAS BELIAU.

MENGENAI TUDUHAN BAHAWA DASAR EKONOMI BARU BERJAYA MEMPERKAYAKAN CUMA SEGELINTIR MANUSIA YANG MENJADI JUTAWAN, BELIAU BERKATA ADALAH MEMBAZIRKAN MASA UNTUK MENJAWABNYA DI DEWAN.

BELIAU BERTANYA APAKAH PENUNTUT-PENUNTUT DI UNIVERSITI SEMUANYA DARI KELUARGA KAYA DAN MENAMBAH JIKA SEBEGITU RAMAI ANAK ORANG KAYA TIDAKLAH BOLEH DIKATAKAN CUMA SEGELINTIR YANG MENJADI KAYA.

MEREKA INI DATANG DARI KELUARGA MISKIN DAN DENGAN ADANYA DEB MEREKA TELAH BERJAYA MENJADI PROFESIONAL, PEGAWAI TINGGI DI DALAM KERAJAAN DAN DI BERBAGAI-BAGAI SEKTOR, KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN BERBAGAI-BAGAI BANTUAN KEPADA RAKYAT UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN MEREKA.

SEKARANG INI KITA ADAKAN PERUSAHAAN KECIL DI LUAR BANDAR DAN INI AKAN DITINGKATKAN LAGI, TEGAS BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN USAHA KERAJAAN SUDAH MENCUKUPI BAHKAN LEBIH DARIPADA MENCUKUPI JIKA DIBANDINGKAN DENGAN USAHA-USAHA MANA-MANA KERAJAAN DI DALAM NEGARA YANG MEMBANGUN. -- LAGI 2023/II MAHATHIR - KEMISKINAN 6 KUALA LUMPUR

SAYA BERANICABAR SESIAPA YANG BOLEH MENUNJUK SEBUAH KERAJAAN OLAH NEGARA YANG MEMBANGUN YANG LAIN DARIPADA MALAYSIA YANG MENGADAKAN USAHA SEPERTI YANG DIADAKAN DI MALAYSIA MENOLONG RAKYAT HIDUP MEWAH.

JADI TUDUHAN YANG DIBUAT BAHAWA SEGELINTIR SAJA DARIPADA RAKYAT YANG MENDAPAT NIKMAT ADALAH TUDUHAN YANG DIBUAT BERASAS KEPADA ARI HATI, KATANYA.

BELIAU MENAMBAH MEREKA INGIN SEMUA JUTAWAN DATANG DARI SATU KAUM SAHAJA.

SEBENARNYA KERAJAAN JUGA MAHUMELAHIRKAN JUTAWAN YANG TERDIRI DARI SEMUA KAUM, KATANYA.

BELIAU JUGA MENGECEM SEGELINTIR PARA AKADEMIK YANG CUMA PANDAI MEMBUAT ANALISA DI PEJABAT-PEJABAT BERHAWA DINGIN TETAPI TIDAK BERSEDIA MENYUMBANG TENAGA UNTUK MENOLONG KERAJAAN DALAM USAHA MEMBASMI KEMISKINAN. -- BERNAMA 2028/II